

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 36

Indeks Pelapor Julai kekal stabil

Indeks Pelapor Julai kekal stabil

PETALING JAYA: Indeks Pelapor (IP) yang menjangkakan hala tuju ekonomi negara secara purata empat hingga enam bulan ke hadapan, kekal stabil dengan mencatatkan 109.5 mata pada Julai, berbanding 105.2 mata tempoh sama tahun lalu.

Menurut Jabatan Perangkaan (DOSM), pencapaian itu selari dengan pertumbuhan IP sebanyak 4.1 peratus tahun ke tahun, lebih rendah daripada 5.3 peratus pada Jun 2022.

Jelasnya, import benar logam asas berharga dan logam bukan ferus lain, kekal sebagai pendorong utama kepada pertumbuhan berikutan peningkatan permintaan berkaitan logam berasaskan platinum.

"Melihat kepada prestasi bulanan, IP mencatatkan negatif 2.0 peratus pada bulan rujukan berbanding peningkatan 0.4 peratus pada Jun 2022," katanya dalam kenyataan.

DOSM berkata, trend menurun itu dipengaruhi oleh import benar logam asas berharga dan logam bukan ferus lain, yang menyumbang negatif 0.9 peratus kepada peratusan perubahan IP.

Tambahnya, walaupun prestasi IP rendah sedikit, namun ia menunjukkan bahawa prospek ekonomi Malaysia dijangkakan kekal optimistik di hadapan, berdasarkan indeks arah aliran jangka panjang terlicin yang terus melepasi 100 mata.

"Ia selari dengan pelbagai inisiatif dan pentadbiran kerajaan yang responsif bertindak balas terhadap situasi semasa," katanya.

